

seolah-olah buruh yang berkuatkuasa sedang modal daripada mereka. Hal ini bertambah-tambah lagi apabila Menteri Kehakiman dan Perburuhan selalu mengatakan pemodal-pemodal mestilah mengutamakan maslahat buruh. Apakah ertinya seorang pemodal kalau mereka berpenat-penat dan mengeluarkan modalnya kalau buruh yang menguasainya?

Memandang semata-mata kepada maslahat buruh sahaja, di Singapura ini, ertinya adalah membunuh perusahaan-perusahaan tempatan bahkan akan menjauhkan lagi modal-modal asing, kerana siapakah di antara pemodal-pemodal yang berani menanam modal jika buruh terus mengadakan tuntutan dengan tidak memandang keadaan ekonomi di sekelilingnya.

Keadaan perusahaan kecil masa ini lebih-lebih menderita lagi. Beberapa banyak pekedai-pekedai yang telah lama menutup perusahaannya. Sungguhpun pekedai-pekedai itu mempunyai sepuluh orang di dalam perusahaannya tetapi jika banyak kedai-kedai telah tutup atau perusahaan telah tutup, ertinya kalau dijumlah lebih besar orang-orang yang hilang pekerjaannya dan menambah lagi orang-orang yang tidak bekerja.

Undang-undang pinjam-meminjam dan gadai yang dibuat oleh kerajaan Singapura pada zahirnya adalah baik dan bertujuan baik. Kerajaan berharap supaya pemerahan atau lintah darat mesti dihapuskan. Peminjam-peminjam wang mestilah berdaftar. Sungguhpun undang-undang ini sangat baik tetapi dengan hanya mengadakan undang-undang dan kerajaan sendiri tidak bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan yang berlaku, maka undang-undang ini yang terkena bukannya lagi tukang pinjam tetapi berakibat kepada kesulitan-kesulitan pemodal kecil.

Jika pada masa dahulu pemodal-pemodal kecil mendapat kemudahan untuk meminjam wang untuk melepaskan keperluannya tetapi sekarang tidak ada tempat lagi bagi mereka untuk melepaskan sesak. Peminjam-peminjam wang tidak mau meminjamkan wangnya lagi – dan pemodal-pemodal kecil atau perusahaan-perusahaan serta pekedai-pekedai kecil menderita. Mereka tidak ada arah untuk melepaskan kesulitan-kesulitan mereka. Bahkan kalaupun

dapat mereka meminjam hendaklah ada tanggungan (*security*) daripada harta-harta mereka, kalau ada, sedang bunganya tidak berubah bahkan makin bertambah dengan belanja-belanja yang diwajibkan oleh kerajaan.

Peminjam-peminjam wang (*money lender*), di dalam surat hutang yang dibuatnya mereka membuat bunga seperti yang diperundang-undangkan tetapi tiap-tiap seorang yang hendak meminjam, sebelum menerima wang yang tersebut hendaklah menyiapkan wang tunai untuk diberikan kepada peminjam-peminjam wang untuk tambahan bunga yang kurang yang bertulis itu. Kalau tidak dibuat demikian maka orang itu tidak akan dapat meminjam wang. Sekarang, untuk meminjam wang kalau tidak ada harta tanggungan, maka jangan diharap seseorang akan dapat melepaskan kesusahannya.

Akibat daripada undang-undang ini si kecil yang terkais-kais pagi petang menderita. Sepatutnya kerajaan dalam melaksanakan undang-undang ini mengadakan sebuah bank pembantu perusahaan supaya dapat mereka meneruskan usahanya. Dengan ketiadaan ini maka kita yakin di dalam masa tidak berapa lama lagi kita akan melihat negeri Singapura yang makmur dahulu akan menjadi sunyi senyap sebab banyak perusahaan-perusahaan yang tidak dapat bergerak. Pemodal-pemodal kecil tidak akan dapat lagi meneruskan perusahaannya jika mereka terpaksa siang malam di dalam kesulitan untuk menyempurnakan tanggungannya terhadap kepada buruhnya.

Pegawai Penasihat Perceraian

Beberapa lama dahulu kita menulis meminta kerajaan Singapura khususnya dan Tanah Melayu umumnya supaya melantik seorang pegawai yang pekerjaannya menasihati orang-orang Islam yang datang hendak bercerai kepada kadi sebelum perkara mereka dihadapkan mereka ke Mahkamah Syariah.

Al-hamdu lillāh, kerajaan Singapura telah pun mengadakan pegawai itu iaitu yang sekarang dipegang oleh Puan isteri Tuan Siraj. Pekerjaan yang ditanggungkan kepadanya adalah berusaha mendamaikan perselisihan-perselisihan di antara suami

isteri yang telah cuba datang ke mahkamah untuk meminta kebenaran bercerai.

Pekerjaan ini dibahagikan kepada dua – orang-orang perempuan adalah dinasihati oleh Puan Siraj dan lelaki oleh seorang kadi. Pekerjaan ini bukanlah suatu pekerjaan yang mudah dan adalah ia berkehendakkan dengan ketenangan dan kesabaran supaya perdamaian dapat dicapai. Ini ialah salah satu ikhtiar mengurangkan perceraian dalam masyarakat Islam kerana pada masa-masa yang lalu kuasa-kuasa cerai di tangan kadi sahaja maka kadi-kadi itu tidaklah ia memberi nasihat terlebih dahulu, tetapi terkadang-kadang menggalakkan sebab belanja cerai adalah dibayar untuk sara hidup kadi itu sendiri.


Tetapi berhubung dengan sekarang kadi-kadi itu dibayar atau digaji oleh kerajaan maka sara hidupnya tidaklah lagi bergantung atas banyaknya nikah kahwin. Lagi pula

orang-orang yang hendak bercerai, tidaklah boleh dibuat begitu sahaja tetapi mustahak dahulu disampaikan kepada mahkamah, yang ditentukan untuk mengawal dan menyiasat dan memberi nasihat-nasihat sebelum sampai ke mahkamah.

Dengan cara ini adalah diharap perceraian di dalam masyarakat Islam akan berkurangan. Sepanjang yang diketahui, semenjak adanya jawatan penasihat tentang perceraian ini maka di antara lima yang datang hendak bercerai maka empat daripadanya gagal yakni empat daripada lima itu terselamat daripada bercerai.

Dengan ini maka besarlah harapan semoga perceraian di kalangan masyarakat Singapura berkurangan.

Kerana perkara ini perkara yang membawa kebajikan dan yang pertama dibuat di seluruh Tanah Melayu maka kita berharap sekiranya di seluruh Tanah Melayu, terutama di bandar-bandar yang besar, kerajaan melantik pegawai-pegawai yang menasihati tentang



Pasukan Maktab Perguruan Melayu Brunei, yang ikut serta dalam Perarakan Mawlid Nabi Muḥammad ṣallā Allāh ‘alayhi wa ʻalīhi wa sallam yang telah berlangsung di Bandar Brunei pada bulan yang lalu.

perceraian ini semoga dengan itu perceraian-perceraiannya yang banyak di bandar-bandar besar itu dapat diselamatkan. Semoga pejabat-pejabat agama di seluruh Tanah Melayu bersegera mengadakan pegawai-pegawai seperti ini.

Mengikat Persatuan

Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura telah menganjurkan suatu perjumpaan di antara *Jamiyah*, PERGAS dan Muhammadiyyah untuk mencari jalan kerjasama di antara badan-badan itu dalam usaha mengembangkan dakwah-dakwah Islam. Langkah ini diambil harus terbitnya kerana beberapa perkara yang tidak digemari telah berlaku di dalam kalangan orang-orang awam di Singapura yang menjadi ahli kepada badan-badan yang tersebut.

Punca kejadian adalah kerana mendirikan pendapat masing-masing.

Natijah daripada pengertian ini, yang pertama dapat dilihat, ialah suatu tabligh besar telah diadakan bersama-sama oleh empat badan itu di hadapan Panggung Taj, Geylang, tabligh bersama ini adalah sebagai suatu langkah menunjukkan kepada am bahawa badan-badan Islam, yang berlain-lainan pendapat di dalam masalah furuk agama itu boleh bekerjasama dan boleh bersatu terutamanya dalam usaha menghadapi penyeludup-penyaludup ataupun musuh-musuh Islam yang cuba hendak merosakkan kedudukan Islam.

Dengan perjumpaan itu maka pengikut-pengikut badan-badan itu hendaklah melupakan segala perselisihan-perselisihan mereka dan cuba mencari jalan lain yang bakal mengikat lebih kuat lagi tali persaudaraan sesama Islam, hormat-menghormati pengertian dan faham seseorang selagi faham dan pengertian itu tidak melanggar pokok atau dasar Islam.

Kalau dalam masa yang telah lalu ada pemimpin-pemimpin daripada badan itu yang selalu menyalahkan pegangan masing-masing, cela-mencela, bid'ah-membid'ahkan, salah-menyalahkan, kafir mengkafirkhan maka di dalam masalah furuk yang menjadi puncanya itu mustahak sekarang diubah.

Jangan cela-mencela atas pegangan masing-masing. Kalau hendak memberi keterangan, jika ditanya, hendaklah disampaikan. Ini amal kami dan kami beramal ini adalah alasan ini. Jika saudara beramal lain terpulang kepada pengertian Saudara – silakan.

Dengan cara inilah sahaja dapat diikat persatuan. Dengan cara inilah sahaja dapat kita bersama-sama menghadapi masalah- masalah yang lebih utama iaitu menghidupkan roh tauhid, roh jihad dan pengorbanan kepada anak-anak terutamanya dalam masa ini di mana anak-anak muda kita telah banyak menjauhkan dirinya daripada agamanya kerana dilihatnya kita tidak bersatu pendapat dan pengertian bahkan bermusuh-musuhan.

Semoga langkah yang diambil oleh Singapura itu akan ditiru oleh lain tempat dalam mengikat persatuan-persatuan di dalam persaudaraan Islam – *Āmīn*.

Kehormatan Ulama-ulama Kita

Banyak pensyarah-pensyarah telah datang ke Tanah Melayu kerana memberi syarahannya dari Indonesia. Kerana mereka berbahasa yang sama dengan penduduk- penduduk di sini, maka mereka disambut dan diterima dengan dua belah tangan yang terbuka di sini. Terbuka hati mendengar syarahan-syarahan mereka terutamanya apabila mereka memberi syarahan dengan cara yang bernas dan pandai pula menarik hati pendengar-pendengarnya. Selain daripada itu telah ada pula tabiat orang-orang kita lebih suka mendengar dari orang lain daripada mendengar golongan kita sendiri.

Tidak dapat dinafikan bahawa kesan daripada syarahan-syarahan yang diberi sangat banyak – sekurang-kurangnya menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada kita tentang kedudukan kita di dalam agama kita di tanah air kita sendiri. Ini tidak ada seorang pun yang dapat menafikannya – dan kerana itulah dari satu ke satu masa adalah diusahakan langkah-langkah ini digalakkan. Bahkan tidak di situ sahaja tetapi daripada pensyarah-pensyarah agama yang datang dari Indonesia itulah dapat diikat tali persaudaraan yang kukuh di antara umat Islam

Tanah Melayu dan Indonesia.

Tetapi ada pula di antara pensyarah-pensyarah itu yang membawa ajarannya yang boleh menerbitkan pengertian-pengertian yang tidak baik terhadap kepada ulama-ulama di Tanah Melayu. Ada di Antara mereka yang mengeluarkan kata-kata yang seolah-olahnya ulama Indonesialah sahaja yang utama sedang ulama-ulama di tanah melayu tidak ada jasa-jasanya bahkan mereka hanya menghabiskan masanya di dalam masalah yang kecil-kecil sahaja.

Tuduhan seperti ini bukannya hanya membawa suatu pandangan kecil kepada ulama-ulama di tanah melayu bahkan sebagai suatu pandangan rendah kepada mereka, padahal di antara mereka tidak suka bercakap banyak tetapi jiwa dan tenaga mereka penuh dengan beramal dan berusaha di dalam perkembangan agamanya. Jika tidaklah daripada usaha-usaha alim ulama di Malaya ini maka tidaklah akan timbul semangat perjuangan menentang penjajah. Jika tidaklah daripada orang-orang yang berasal dari pondok tidak timbul semangat perjuangan kemerdekaan, padahal masa itu orang-orang yang berpendidikan Inggeris leka dengan kesenangannya.

Siapakah orangnya yang menimbulkan jiwa itu jika tidak daripada ulama-ulama yang tidak banyak berkata-kata tetapi bekerja dan terus bekerja.

Apabila ucapan-ucapan dari pensyarah-pensyarah Indonesia menuduh keadaan mereka “menghabiskan masanya dalam perkara-perkara kecil” maka kesannya bukannya hanya menimbulkan pandangan rendah kepada ulama-ulama itu, padahal mereka telah banyak berjasa, tetapi juga menanam suatu perasaan kepada golongan-golongan muda yang kuat imannya bahawa ulama-ulama di Tanah Melayu ini tidak berjasa atau tidak beramal bahkan akan menimbulkan suatu kesan yang lebih berbahaya iaitu mereka memandang *hadrat al-afādil* itu dengan suatu pandangan rendah. Ini terbukti sehingga bukan sahaja pemuda-pemuda tetapi juga pemimpin-pemimpin mengejek-ejek bahawa ulama itu

hanya tidak lain menyuruh sembahyang dan beribadat sahaja untuk bekalan mati.

Dengan kesan-kesan yang timbul daripada ucapan-ucapan pensyarah-pensyarah dari Indonesia itu kita dengan ikhlasnya berharap supaya pensyarah-pensyarah dari Indonesia mengawal perkataannya – janganlah hendaknya mengecil-ngecilkan kedudukan ulama-ulama di Malaya dan janganlah terasa kerana ulama-ulama menghormati mereka sebagai seorang dif istimewa lalu terasa bahawa ulama-ulama di sini rendah kedudukannya padahal banyak sifat-sifat ulama-ulama di sini, walaupun dalam ilmunya, mereka suka merendah diri – tidak suka banyak bercakap tetapi bekerja – melebihkan amal daripada bercakap dan mereka tidak mau akan termasuk di dalam golongan bahawa mereka hanya tahu berkata tetapi tidak beramal dengan apa yang dikatakan mereka:

Lima taqūlūna mā lā taf'ālūn.

Kitab sejarah untuk sekolah-sekolah	Sudah siap
Sejarah Ringkas	
Muhammad	
<i>Sallā Allāh 'alayhi wa sallam</i>	
Disusun oleh Edrus. Sejarah ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W.) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.	
Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.	
Senaskhah \$1.20	Pos 10 sen